

# **Program Khidmat Pensyarah KUTKM**

**Archival News | Berita Harian | 28/04/2003**

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menganjurkan Program Khidmat Pensyarah KUTKM bersama pelajar sekolah menengah di negeri ini, 2 Mei ini.

Program selama tiga hari dua malam ini akan dijalankan di kampus sementara KUTKM di Ayer Keroh membabitkan 200 pelajar bagi dua sesi pelaksanaan meliputi pelajar dari tiga daerah iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin.

Pengerusi program berkenaan, Prof Madya Dr Zolkepli Buang, berkata sesi pertama akan dijalankan pada 2 hingga 4 Mei manakala sesi kedua pada 9 hingga 11 Mei.

Katanya, program itu turut mendapat kerjasama kerajaan negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

(END) Source : Berita Harian